

Oleh **ZULKIFLEE BAKAR**

**SEJAK** tewas kepada Pas dalam pilihan raya umum 1990, tiada sesiapa pun menaruh harapan bahawa Barisan Nasional (BN) Kelantan akan kembali merampas negeri itu.

Ternyata ia menjadi satu igauan buruk apabila dalam dua pilihan raya seterusnya iaitu 1995 dan 1999, UMNO Kelantan terus gagal menamatkan pemerintahan Pas.

Kesemua kekalahan itu dikaitkan dengan wabak 'cah keting' yang seolah-olah menjadi barah kepada UMNO negeri tersebut.

Wabak inilah yang paling disukai oleh Pas kerana mereka tidak perlu bersusah-payah mencari isu bagi berhadapan dengan UMNO cukup sekadar UMNO bertelagah sesama sendiri.

Dan semalam, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sememangnya cukup arif mengenai perangai ahli politik Kelantan sekali lagi memberi peringatan bahawa mereka perlu membuang budaya 'cah keting' dan mensabotaj sesama sendiri jika mahu memastikan parti mencapai kemenangan besar pa-

da pilihan raya umum ke-11, 21 Mac ini.

Dalam masa yang sama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula turut menaruh harapan bahawa UMNO Kelantan akan mencatatkan kemenangan pada pilihan raya umum kali ini.

Itulah harapan dua pemimpin yang amat ingin melihat panji-panji pemerintahan BN dapat ditinggalkan semula di Kelantan yang selama ini sejak tahun 1990 dianggap sulit dipacakkan.

Berdasarkan kepada kradaan itu, sudah tiba

## ANALISIS

masanya dengan hati yang ikhlas dan penuh tawaduk pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan memenuhi impian kedua-dua pemimpin bukan semata-mata demi untuk politik BN, tetapi demi maruah UMNO negeri tersebut.

Semangat Hijrah yang akan mengiringi pilihan raya umum kali ini harus disematkan sepenuhnya di hati pemimpin-pemim-

## UMNO Kelantan mantap

### BERITA

pin UMNO Kelantan jika mereka benar-benar berjuang untuk bangsa, agama dan negara.

Mereka harus melakukan muhasabah, merenung sejenak harapan rakyat Kelantan yang amat inginkan keikhlasan mereka dalam perjuangan bagi menamatkan pemerintahan Pas di negeri tersebut yang ternyata hanya meletakkan mereka da-

lam keadaan serba kekurangan dan ketinggalan.

Adalah sesuatu yang mendukung, jika rasa keinsafan masih belum ada di kalangan ahli-ahli politik Kelantan sedangkan mereka sering dijadikan contoh sebagai kelompok yang sering melakukan 'cah keting'.

Oleh itu, pilihan raya umum ke-11 adalah medan terbaik kepada mereka untuk menebus kembali maruah yang tercalar ini. Mereka selama-lamanya tidak boleh membiarkan diri dituding sebagai penyebab kepada kegagalan BN untuk kembali berkuasa di Kelantan.

Hakikatnya, Pas Kelantan tidaklah sekuat mana, malah jika UMNO Kelantan benar-benar bersatu padu sudah pasti Pas akan tewas dan ini bukanlah satu perkara yang mustahil.

Tewas dalam tiga pilihan raya berturut-turut dan sebahagian besarnya disebabkan oleh budaya 'cah keting' sudah cukup mencalarakan maruah UMNO negeri berkenaan.

Justeru mereka perlu bangkit untuk membuktikan bahawa mereka juga mampu untuk menjadi ahli-ahli UMNO seperti negeri lain yang lebih me-

mentingkan kemenangan parti daripada individu.

Mereka tidak harus bersekongkol dengan mana-mana kelompok yang cuba menjadi pengkhianat kepada perjuangan parti semata-mata kerana dia tidak terpilih menjadi calon atau gagal memperoleh sesuatu jawatan.

Apa yang perlu diingat oleh penyokong-penyokong kelompok pengkhianat ini, tindakan mereka bukan sahaja boleh mendatangkan kerugian kepada diri sendiri, tetapi juga kepada bangsa, agama dan negara.